

KONVENSYEN PENGUBATAN ISLAM MALAYSIA 2013

AL-QURAN SEBAGAI AL-SYIFA¹

Oleh: Dr Abdullah Yusof², PhD
Pensyarah Kanan, Universiti Malaya

Abstrak

Amalan Pengubatan Islam berteraskan Tibb al-Nabawi adalah menjadi fardu kifayah dalam masyarakat Islam kerana tanpanya, masyarakat hanya bergantung kepada kaedah-kaedah amalan pengubatan lain yang ada ketikanya bercanggah dengan syariat Islam serta boleh mengundang kesyirikan. Meskipun manusia boleh berikhtiar mencari kesembuhan menerusi pelbagai cara dan metod yang tercetus hasil pengalaman dan kepakaran tertentu namun terdapat panduan yang telah diberikan oleh Nabi Muhammad saw menerusi amalan tibt al-Nabawi serta petunjuk dari al-Quran dan hadith-hadith sahih. Antara yang terkandung dalam al-Quran ialah ayat-ayat penyembuhan, baik penyakit bersifat rohani (spiritual) mahupun bersifat jasmani (fizikal). Kertas ini dibentang pada Konvensyen Pengubatan Islam Malaysia 2013 yang mengandungi kupasan berhubung konsep al-Quran sebagai syifa' (ubat atau penawar) dan penggunaannya menerusi ayat-ayat tertentu. Perbincangan juga menyentuh berhubung penggunaan ayat-ayat syifa' yang digunakan ke atas produk-produk yang dihasilkan atau diusahakan secara komersial dan dipasarkan secara meluas untuk kegunaan masyarakat. Selain itu istilah syifa' turut digunakan untuk pelbagai produk perkhidmatan termasuk institusi pengajian dan penyajian makanan. Pendek kata syifa' adalah kalimah yang boleh menarik perhatian ramai memandangkan masyarakat sentiasa inginkan produk atau perkhidmatan yang mempunyai nilai-nilai baik, elok dan bersifat kesembuhan. Atas nama ikhtiar ramai orang yang sanggup berbuat apa saja asalkan mendapat kesembuhan, namun mereka lupa bahawa ada kesembuhan yang mendapat keredaan Allah swt dan ada ketikanya mendapat kemurkaan Allah swt.

1.0 Pendahuluan

Ilmu pengubatan Islam adalah salah satu daripada cabang-cabang ilmu dalam Islam yang turut mengandungi syifa' iaitu kesembuhan bagi orang-orang yang menghayati dan meyakini. Nabi Muhammad SAW menjadi petunjuk ke arah termasuk dalam soal pengubatan dan rawatan terhadap penyakit. Sebagai Nabi dan Rasul, baginda saw juga tidak terlepas daripada menghadapi kesakitan terhadap tubuh badan. Apatah lagi kita manusia biasa juga tidak dapat mengelakkan diri daripada ditimpa penyakit sama ada penyakit biasa atau kronik. Dunia dan masyarakat hari ini menghadapi bukan sahaja penyakit jasmani, tetapi telah menular kepada

¹ Kertas kerja ini dibentang dalam Konvensyen Pengubatan Islam Malaysia 2013 yang berlangsung di APIUM, Universiti Malaya pada 29-30 Jun 2013 anjuran Saffron Marketing dengan kerjasama GAPPIMA.

² Pensyarah Kanan Universiti Malaya dan AJK Pusat Darussyifa' Malaysia.

penyakit rohani atau jiwa dalaman. Pengubatan Islam yang bukan semata-mata untuk merawat penyakit, tetapi cuba berikhtiar untuk menyembuhkannya dari sudut jasmani dan rohani. Ilmu pengubatan Islam adalah salah satu ikhtiar atau usaha untuk menyembuhkan penyakit menggunakan cara khusus berpandukan al-Quran dan al-Sunnah serta ijtihad *al-Salafus al-Soleh* (ulama muktabar terdahulu). Maksud ikhtiar ialah usaha untuk mencari dan membantu merawat penyakit yang dihadapi sama ada berbentuk fizikal atau spiritual dan al-Quran tetap dijadikan rujukan utama pengubatan Islam³. Firman Allah SWT dalam al-Quran surah al-Isra' ayat 82:

وَنُزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا ﴿٨٢﴾

82. dan Kami turunkan Dengan beransur-ansur dari Al-Quran Aya-ayat suci Yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang Yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) Al-Quran tidak menambahkan orang-orang Yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua.

Ayat di atas (al-Isra' : 82) menerangkan kepada kita bahawa pengubatan Islam adalah berpaksikan kepada wahyu Ilahi yang diambil daripada petunjuk al-Quran dan al-Sunnah. Ia juga dikenali sebagai *al-Tibb al-Nabawi* (Pengubatan Rasulullah SAW). Apabila berteraskan wahyu Allah SWT, maka pelaksanaannya sudah tentu merupakan suatu bentuk ibadah yang dilakukan bagi mencari keredaan Allah SWT. Oleh itu, apabila kita mendapat penyakit, Allah SWT menyuruh kita memohon kesembuhan kepada-Nya. Firman Allah SWT dalam surah al-Syu'ara' ayat 80:

وَإِذَا مَرَضْتُ فَهُوَ يَشْفِينِ ﴿٨٠﴾

80. Dan apabila Aku sakit, maka Dia lah Yang menyembuhkan penyakitku

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 2:

ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾

2. Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang Yang (hendak) bertaqwa

Oleh itu, petunjuk atau hidayah al-Quran meliputi kesemua hal bukan sahaja yang berkaitan dengan dasar keimanan semata-mata, bahkan urusan pemerintahan dan pentadbiran sesebuah negara bagi membentuk masyarakat yang sejahtera. Sepanjang jalan itulah al-Quran menjadi hidayah dan petunjuk kepada manusia. Maka, pengubatan Islam adalah salah satu cabang hidayah yang dianugerahkan oleh Allah SWT melalui al-Quran. Justeru itu para pengamal rawatan Islam yang meletakkan al-Quran sebagai panduan rawatan, hendaklah

³ Rujuk kupasan lanjut dalam kata pengantar, Dato' Dr Haron Din, (2011) *Pengantar Pengubatan Islam, Jilid 1, Terbitan PKPI: Bandar Baru Bangi, Selangor.*

memiliki ilmu pengobatan menerusi sumber yang sahih, tepat dan benar. Selain itu mereka hendaklah memenuhi beberapa persyaratan berikut⁴:

Syarat Pertama:

Bagi perawat atau orang yang ingin merawat menggunakan jampi: Perawat tersebut hendaklah seorang yang baik budi pekertinya, istiqamah dalam amalan, memelihara solat dan menjaga ibadatnya, selalu berzikir dan membaca al-Quran, mengerjakan amal soleh dan hanya melakukan perkara kebaikan, menjauhi segala maksiat, menjauhi perkara bid'ah atau mengadakan sesuatu yang baru yang jelas dilarang dalam agama, menghindarkan kemungkar dan dosa-dosa besar serta dosa-dosa kecil, memelihara pemakanan dan minuman daripada sumber yang haram dan syubhah (diragui).

Syarat Kedua:

Mengetahui jenis jampi atau bacaan yang dibenarkan daripada al-Quran. Antara ayat-ayat tersebut adalah seperti al-Fatihah, al-Mu'awwizatain (2-Qul), surah al-Ikhlash, ayat akhir surah al-Baqarah, awal ayat surah Ali 'Imran dan akhir ayatnya, akhir surah al-Taubah, awal surah Yunus, awal surah al-Nahl, akhir surah al-Isra', awal surah Taha, akhir surah al-Mu'minin, awal surah al-Saffat, awal surah Ghafir, akhir surah al-Jathiyah, akhir surah al-Hashr dan segala doa yang tidak menyalahi al-Quran atau doa-doa yang sesuai. Kemudian, dihembuskan selepas bacaan tersebut dan boleh diulangi bacaan itu sebanyak tiga kali atau lebih daripada itu.

Syarat Ketiga:

Pesakit yang dirawat tersebut juga adalah daripada kalangan orang yang beriman dan melakukan kebaikan, sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan istiqamah dalam amalannya, menjauhi perkara yang diharamkan dan meninggalkan segala perbuatan maksiat serta kezaliman. Firman Allah SWT dalam surah Fussilat ayat 44:

قُلْ هُوَ لِلَّذِينَ آمَنُوا هُدًى وَشِفَاءً ۗ

44. Katakanlah (Wahai Muhammad): "Al-Quran itu, menjadi (cahaya) petunjuk serta penawar bagi orang-orang Yang beriman.

Maka doa yang dibacakan terhadap orang yang sentiasa dalam maksiat, seorang yang takbur, riya', tidak menjaga solat, kurang beribadah dan sebagainya dan daripada kalangan orang yang meninggalkan ketaatan kepada Allah SWT, doa tersebut tidak akan memberi kesan kepadanya kerana peribadinya yang tidak baik itu.

Syarat Keempat:

Menanamkan keyakinan terhadap pesakit bahawa al-Quran adalah penyembuhan dan pembawa rahmat serta ubat bagi segala penyakit. Perawat perlu meyakinkan bahawa al-Quran adalah

⁴ Lihat selanjutnya dlm Ibid, hlm. 112 dst.

sangat bermanfaat dan ia adalah benar bahawa ia sebagai penyembuh segala penyakit seperti mana telah disebutkan oleh Allah dalam al-Quran.

Namun demikian, tidak semua orang mempercayai bahawa al-Quran mampu memberi kesembuhan terhadap penyakit. Ada yang menganggap bahawa rawatan yang menggunakan al-Quran adalah suatu perbuatan khurafat bahkan penyakit apa pun memerlukan rawatan doktor dan menggunakan ubat-ubatan yang disarankan. Dalam hal ini, Sheikh Abdullah al-Jabrain ditanya tentang hukum orang yang mempunyai sikap demikian dan beliau berkata bahawa kepercayaan sedemikian adalah suatu kepercayaan yang batil (salah) kerana telah menyalahi nas al-Quran (surah al-Isra' ayat 82) dan hadith-hadith Nabi SAW. Firman Allah SWT dalam:

Ramai doktor dalam bidang perubatan alopati yang menafikan kerasukan jin dan kesannya kepada manusia, menafikan amalan sihir dan implikasinya terhadap orang yang disihir dan menafikan kesan buruk daripada angkara pandangan mata (al-‘Ain). Ini disebabkan faktor-faktor yang menyebabkan penyakit-penyakit tersebut tersembunyi dan tidak mampu didiagnosis oleh doktor dengan menggunakan peralatan radiologi dan sebagainya. Ada doktor yang mengesahkan pesakit tersebut sihat tubuh badannya sedangkan dia sendiri melihat pesakit tersebut terjatuh pingsan di hadapannya dan pesakit itu sendiri mengalami kesakitan yang tersembunyi menyebabkan dirinya menjadi risau, tidak boleh tidur dan tidak selesa. Pesakit tersebut kemudiannya dibawa untuk dirawat dengan bacaan jampi-jampi yang syar`i (al-Ruqyah al-Syar`iyyah) dan hasilnya kesakitan yang dialaminya telah hilang dengan izin Allah SWT. Walaupun begitu, orang yang membaca (ruqyah) itu berbeza-beza daripada sudut pengetahuannya mengenai doa, wirid dan ayat-ayat yang dibaca sebagai ruqyah, selain berbeza dari segi niat dan keikhlasannya serta keterlibatannya dengan perkara-perkara yang diragui. Begitu juga dengan pesakit-pesakit yang dijampi, jika mereka mempunyai aqidah yang benar, beramal salih, menjauhi maksiat dan perkara-perkara yang haram maka rawatan (mengggunakan ruqyah) tersebut akan mendatangkan kesan yang luar biasa dalam rawatannya.

Apabila Rasulullah SAW hendak tidur pada malam hari, baginda akan menadah kedua-dua belah tangan dan meniupkan padanya bacaan seperti Ayat Kursi, al- Mu‘awwizatain (2-Qul), surah al-Kafirun, surah al-Ikhlas tiga kali, kemudian baginda menyapu seluruh badan bermula daripada muka, leher, dada, perut, sehingga kedua kaki. Ketika mana Baginda SAW sakit, 'Aishah membacakannya dan meniupkan ke kedua tapak tangan Rasulullah SAW, sebagai mengambil berkat daripada Rasulullah SAW.

Terdapat situasi di mana orang yang tidak berpengetahuan ilmu agama turut menjampi dengan ayat-ayat Al- Quran. Persoalan ini pernah dikemukakan kepada Sheikh Abdullah al-Jabrain mengenai peribadi seorang perawat yang menggunakan ayat-ayat al-Quran sebagai jampi (ruqyah). Ini kerana ada pendapat yang mengatakan bahawa seseorang itu tidak harus untuk membacakan jampi-jampi daripada ayat-ayat al-Quran melainkan dia adalah seorang yang berpengetahuan luas dalam agama. Dalam pada itu, terdapat segolongan yang lain pula mendakwa bahawa adalah memadai orang yang menjampi menggunakan ayat-ayat al-Quran tersebut di kalangan orang yang hafaz al- Quran, mempunyai aqidah yang benar dan merupakan seorang yang baik dan bertakwa. Kekeliruan tersebut telah dijawab oleh Syeikh Abdullah dengan menyatakan bahawa dalam perkara ini, hukum sebenarnya adalah harus untuk membacakan ruqyah bagi seseorang yang mampu membaca al-Quran dengan baik, memahami terjemahannya,

mempunyai aqidah yang murni, amal ibadah yang betul dan berakhlak dengan akhlak yang mulia. Tidak disyaratkan mengetahui semua ilmu berserta cabang-cabangnya dan buktinya ialah kisah Abu Sa'id al-Khudri mengenai orang yang membaca ruqyah kepada orang yang disengat dengan katanya: Kami tidak pula mengetahui yang dia tahu apa-apa mengenai ruqyah [bagi pendapat yang mengatakan bahawa yang menjampi bukan Abu Sa'id tetapi orang lain- rujuk syarah hadith]. Seseorang raqi (yang menjampi) mestilah seseorang yang berniat baik untuk menolong orang Islam dan tidak memikirkan ganjaran dan upah agar bacaannya lebih berkesan dalam memberikan manfaat kepada orang lain⁵.

Dalam al-Quran hanya terdapat beberapa jenis penyakit fizikal yang disebutkan oleh Allah SWT. Penyakit tersebut adalah seperti buta, pekak, bisu, luka, tempang, dan beberapa jenis penyakit lagi. Penyakit spiritual merupakan salah satu penyakit yang dihadapi oleh manusia walaupun ia tidak mempunyai petanda secara zahir. Ia melibatkan emosi, perasaan dan tekanan jiwa dan roh manusia yang tidak zahir pada pandangan mata kasar manusia. Al-Quran menyebutkan sebanyak 28 kali tentang penyakit hati. Antara ayat-ayat yang jelas menggunakan kalimat *fi qulubihim maradun*, adalah seperti dalam Surah al-Baqarah ayat 10, al-Ma'idah ayat 52, al-Anfal ayat 49, al-Taubah ayat 125, al-Hajj ayat 53 dan lain-lain lagi.

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 10:

﴿ فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ فَزَادَهُمُ اللَّهُ مَرَضًا ۗ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ۖ بِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ ﴾

10. *Dalam hati mereka (golongan Yang munafik itu) terdapat penyakit (syak dan hasad dengki), maka Allah tambahkan lagi penyakit itu kepada mereka; dan mereka pula akan beroleh azab seksa Yang tidak terperi sakitnya, Dengan sebab mereka berdusta (dan mendustakan kebenaran).*

Ibn Qayyim al-Jawzi⁶ menyebutkan terdapat dua jenis penyakit hati iaitu penyakit syubhah atau syak dan penyakit syahwat iaitu ingkar dan bangga. Kedua-dua penyakit ini jelas disebutkan dalam al-Quran. Beliau menerangkan beberapa ayat al-Quran menyentuh tentang manusia yang mempunyai penyakit hati akibat daripada syubhah dan syak iaitu keraguan dan syak wasangka yang ada dalam hati mereka.

Penyakit yang dihadapi oleh makhluk Allah baik manusia mahupun selainnya adalah berlaku dengan kehendak dan izin Allah swt, maka kuasa penyembuh adalah milikNya jua. Allah tidak menurunkan penyakit kecuali diturunkan penawarnya (ubat). Al-Quran adalah wahyu @ Kalam Allah dan kitab suci yang memiliki banyak nama dan nama-nama atau istilah ini berasal dari ayat-ayat tertentu seperti Al-Kitab_buku (ruj.QS. Al-Baqarah [2]:2), Al-Furqan_pembeza benar salah ((QS. Al Furqaan [25]:1), Al-Dhikr_pemberi peringatan (QS. Al Hijr [15]:9), Al-Mau'izah_pelajaran/nasihat (QS. Yunus [10]:57), Al-Syifa'_ubat/penyembuh (QS. Yunus [10]:57), Al-Hukm_peraturan/hukum (QS. Ar Ra'd [13]:37), Al-Hikmah_kebijaksanaan (QS. Al Israa' [17]:39), Al-Huda_petunjuk (QS. Al Jin [72]:13), Al-Tanzil_yang diturunkan (QS. Asy Syu'araa' [26]:192), Al-Rahmat_kurnia (QS. An Naml [27]:77) Al-Ruh_ruh (QS. Asy Syuara

⁵ Ibid hlm. 145 dst.

⁶ Lihat ulasan dalam Ahmad Fauzi - Nim. 03531402, (2008) *Konsep Al Qur'an Sebagai Syifa' Telaah Atas Penafsiran Ibnu Qayyim Al Jauziyyah Tentang Penyembuhan Gangguan Kejiwaan Dengan Al Qur'an*. Skripsi thesis, UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta.

[42]:52), Al-Bayan_penerang (QS. Ali Imran [3]:138), Al-Kalam_ucapan/firman (QS. At Taubah [9]:6), Al-Busyra_kabar_gembira (QS. An Nahl [16]:102), Al-Nur_cahaya (QS. An Nisa' [4]:174), Al-Basha'ir_pedomani (QS. Al Jaatsiyah [45]:20), Al-Balagh_penyampaian/kabar (QS. Ibrahim [14]:52) dan Al-Qaul_perkataan/ucapan (QS. Al-Qasas [28]:51).

Adalah meyakinkan bahawa al- Quran adalah sumber yang terbaik dalam merawat dan mencegah penyakit baik fizikal mahupun spiritual. Pembentangan ini hanya akan memberi fokus kepada al-Quran sebagai al-Syifa'. Menurut penafsiran Ibn al-Qayyim, salah satu fungsi al-Qur'an adalah syifa', dan itu mencakup keseluruhan al-Qur'an dan bukan salah satu ayat atau salah satu surah dari al-Qur'an⁷. Meskipun hanya di enam tempat sahaja terdapat kalimah syifa', ini tidak bermakna ayat-ayat lain tidak memiliki nilai-nilai penyembuhan, bahkan keseluruhan al-Quran adalah syifa'; penyembuhan untuk segala macam penyakit dan penyelesaian segala masalah dan kerumitan hidup manusia, sesuai dengan nama atau istilah yang dinisbahkan dengan al-Quran.

2.0 Ikhtiar Penyembuhan Menerusi Al-Quran

Perubatan atau penyembuhan menggunakan ayat-ayat Quran mempunyai perkaitan rapat dengan aqidah, sebagai mukjizat terbesar bagi Nabi Muhammad saw, dapat disaksi dan dibuktikan. Penggunaan ayat Quran sebagai jampi penyembuhan bukanlah khurafat (karut-marut) seperti disangka oleh sesetengah manusia. Seluruh al-Quran adalah syifa' dan semua orang Islam wajib meyakini keistimewaan kitab al-Quran. Ayat-ayat al-Quran adalah untuk dibaca, bukan sekadar dilihat, dibawa, digantung, diselit, disimpan dalam bekas dan sebagainya. Menerusi pembacaan, Allah akan menyembuhkan, memberi rahmat serta mengafiatkan pesakit lantaran keberkatan kitabNya. (al-Isra': 82). Berubat dengan ayat-ayat al-Quran adalah perkara yang wujud syariat Islam. Nabi saw sendiri, para sahabat serta salaf al-Salih berubat dengan ayat-ayat al-Quran sebagai penyembuh bagi seluruh penyakit jiwa dan fizikal manusia, juga penyakit dunia dan akhirat dan kedudukan ini ditegaskan oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah⁸:

Man Lam yusyfihi al-Quranu fala syafaahullau (Sesiapa yang tidak dapat disembuh dengan Quran, maka tiadalah dia disembuhkan oleh Allah). Beliau juga amenegaskan: Innal Quraana kalamurrahmani al-syafi. (Sesungguhnya al-Quran itu kalam (pertuturan) Tuhan yang maha pemurah, maha menyembuhkan).

⁷ Ahmad Fauzi - Nim. 03531402, (2008) *Konsep Al Qur'an Sebagai Syifa' Telaah Atas Penafsiran Ibnu Qayyim Al Jauziyyah Tentang Penyembuhan Gangguan Kejiwaan Dengan Al Qur'an*. Skripsi thesis, UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta.

⁸ *Al-Syeikh Abi al-Fada' Muhammad, (2012) 'Alij Nafsaka bi al-Quran, terj. Mari Berubat Dengan Al-Quran, al-Hidayah Publication: Batu Caves, Selangor, kata pengantar hlm. X dst.*

Abi al-Fada' dalam kitabnya `Alij Nafsaka bi al-Quran, mengemukakan banyak dalil berhubung galakan berubat dengan al-Quran⁹, pemeliharaan (penjagaan) lebih baik dari berubat (al-Wiqayatu kharun min al-`ilaj)¹⁰ dan lain-lain.

Memandangkan setiap penyakit disediakan penawarnya, maka manusia sentiasa mencari jawapan kepada masalah yang dihadapi. Ada yang berjaya dan tidak kurang yang masih gagal mencari punca dan penawarnya. Justeru itu manusia digesa sentiasa berusaha dan berikhtiar tanpa jemu dan putus asa. Dalam mencari kesembuhan ramai manusia yang tersilap langkah dan tersasar sehingga bukan saja mengundang masalah yang lebih kronik, bahkan menjerumuskan diri mereka dalam kancas kesyirikan dan inilah yang paling dimurkai oleh Allah swt. Ada yang mempelajarinya dari buku-buku dan kitab-kitab perubatan dan ada yang berguru secara langsung dan ada pula yang memperolehinya secara lisan atau diwarisi dari keturunan. Selain itu ada yang memperolehi ilmu pengubatan menerusi mimpi atau alamat-alamat atau bisikan tertentu. Tidak kurang yang mendakwa mendapat ilham, petunjuk dan anugerah Ilahi dan menganggap ini adalah anugerah. Di samping itu ada yang hanya buat pandai-memandai, hanya meniru-niru orang lain berubat dan yang lebih dahsyat ialah yang menipu atau kelentong @ temberang. Semua ini kalau diizinkan oleh Allah, maka diberikan kesembuhan.

Persoalan timbul adakah asal saja sembuh maka itu menunjukkan Allah meredai, merestui dan sebagai anugerah dari Allah swt. Baik pesakit mahupun pengubat, terdapat panduan yang diberikan oleh Islam menerusi petunjuk al-Quran dan hadith-hadith sahih serta amalan para *salaf-salih* yang sepatutnya dijadikan pedoman. Ikhtiar penyembuhan hendaklah dilakukan oleh orang-orang yang memiliki kriteria tertentu, yakni tidak boleh sembarangan. Ini berbeza dengan berdoa kerana sesiapa saja boleh berdoa meskipun berdoa adalah salah satu metod pengubatan. Ini bermakna pesakit atau ahli keluarga mereka hendaklah terlebih dahulu menilai dan menyiasat latar belakang para pengamal pengubatan Islam sebelum mendatangi mereka untuk meminta pertolongan atau khidmat rawatan.

3.0 Keterangan Ayat-Ayat Syifa' Dalam al-Quran

Syifa' dari sudut terminologi membawa pengertian kesembuhan. Allah SWT telah mewahyukan kepada Nabi Muhammad SAW sebanyak enam ayat syifa' di dalam kitab suci al-Quran yang merujuk kepada kalimah syifa'¹¹. Hal ini dihubungkan dengan kisah al-Syeikh Abu al-Qasim al-Qusyairi, seorang ulamak dan pengarang sufi menceritakan anaknya menghidap suatu penyakit yang amat berat dan keadaan ini membuatkan beliau hampir hilang ikhtiar dan penyakit anak beliau turut menggangukannya. Pada suatu malam beliau bermimpi berhadapan

⁹ Ibid, hlm. 5-14.

¹⁰ Ibid, hlm. 15-24.

¹¹ Detail boleh dirujuk dalam Dato' Dr Haron Din, (2011) *Pengantar Pengubatan Islam, Jilid 1, Terbitan PKPI: Bandar Baru Bangi, Selangor.*, hlm. 157 dst.

dengan wajah Rasulullah saw dan mengadu kepada baginda tentang penyakit anaknya itu. Rasulullah bertanya kepadanya: Aina anta min aayaatissyifa'?. *Tahukan engkau di mana letaknya ayat-ayat syifa' (penyembuh)?*. Setelah itu beliau mendapat ilham tentang ayat-ayat yang ada kalimah syifa' dan pecahannya, kemudian beliau mendapati ayat penyembuh itu ada pada enam tempat di dalam al-Quran iaitu Al-Taubah: 14. Yunus: 57, Al-Nahl: 69, Al-Isra': 82, Al-Syu'ara': 80 dan Fussilat: 40¹².

Pertama: Surah al-Taubah (9:14) :

﴿ قَاتِلُوهُمْ يُعَذِّبَهُمُ اللَّهُ بِأَيْدِيكُمْ وَيُخْزِهِمْ وَيَنْصُرْكُمْ عَلَيْهِمْ وَيَشْفِ صُدُورَ قَوْمٍ مُّؤْمِنِينَ ﴾

14. *perangilah mereka, nescaya Allah akan menyeksa mereka Dengan (perantaraan) tangan kamu, dan Allah akan menghinakan mereka serta menolong kamu menewaskan mereka, dan ia akan memuaskan hati orang-orang Yang beriman.*

Kedua: Surah Yunus (10: 57) :

﴿ يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُمْ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِّمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ﴾

57. *Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Al-Quran Yang menjadi nasihat pengajaran dari Tuhan kamu, dan Yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin Yang ada di Dalam dada kamu, dan juga menjadi hidayah petunjuk untuk keselamatan, serta membawa rahmat bagi orang-orang Yang beriman.*

Ketiga: Surah al-Nahl (16:69) :

﴿ ثُمَّ كُلِي مِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ فَاسْلُكِي سُبُلَ رَبِّكِ ذُلُلًا ۚ يَخْرُجُ مِنْ بُطُونِهَا شَرَابٌ مُّخْتَلِفٌ أَلْوَانُهُ فِيهِ شِفَاءٌ لِّلنَّاسِ ۗ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴾

69. *kemudian makanlah dari Segala jenis bunga-bunga dan buah-buahan (yang Engkau sukai), serta Turutlah jalan-jalan peraturan Tuhanmu Yang diilhamkan dan dimudahkannya kepadamu". (dengan itu) akan keluarlah dari Dalam badannya minuman (madu) Yang berlainan warnanya, Yang mengandungi penawar bagi manusia (dari berbagai-bagai penyakit). Sesungguhnya pada Yang demikian itu, ada tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) bagi orang-orang Yang mahu berfikir.*

Keempat: Surah al-Isra' (17: 82):

﴿ وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ۗ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا ﴾

82. *dan Kami turunkan Dengan beransur-ansur dari Al-Quran Aya-ayat suci Yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang Yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) Al-Quran*

¹² Lihat juga Abi al-Fada', op.cit. hlm. 27-29 berhubung enam ayat penyembuh.

tidak menambahkan orang-orang Yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua.

Kelima: Surah al-Syu`ara' (26:80):

وَإِذَا مَرَضْتُ فَبِهِوَ يَشْفِينِ ﴿٨٠﴾

80. Dan apabila Aku sakit, maka Dia lah Yang menyembuhkan penyakitku

Keenam: Surah Fussilat (41:44) :

وَلَوْ جَعَلْنَاهُ قُرْءَانًا أَعْجَمِيًّا لَقَالُوا لَوْلَا فُضِّلَتْ ءَايَاتُهُ ۖ ءَأَنْجَمِيٌّ وَعَرَبِيٌّ ۗ قُلْ هُوَ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا هُدًى وَشِفَاءٌ ۗ
وَالَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ فِي ءَاذَانِهِمْ وَقْرٌ وَهُوَ عَلَيْهِمْ عَمًى ۗ أُولَٰئِكَ يُنَادَوْنَ مِن مَّكَانٍ بَعِيدٍ ﴿٤٤﴾

44. dan kalaulah Al-Quran itu Kami jadikan (bacaan) Dalam bahasa asing, tentulah mereka akan berkata: "Mengapa tidak dijelaskan ayat-ayatnya (dalam bahasa Yang Kami fahami)? Patutkah Kitab itu berbahasa asing sedang Rasul Yang membawanya berbangsa Arab?" Katakanlah (Wahai Muhammad): "Al-Quran itu, menjadi (cahaya) petunjuk serta penawar bagi orang-orang Yang beriman; dan sebaliknya orang-orang Yang tidak beriman, (Al-Quran itu) menjadi sebagai satu penyakit Yang menyumbat telinga mereka (bukan penawar); dan ia juga merupakan gelap-gelita Yang menimpa (pandangan) mereka (bukan cahaya Yang menerangi). mereka itu - (dengan perbuatan melarikan diri dari ajaran Al-Quran, tidak ubahnya seperti orang-orang Yang diseru dari tempat Yang jauh (Masakan mereka dapat mendengar Dengan betul atau melihat Dengan nyata).

4.0 Cara Beramal Dengan Ayat-Ayat Syifa'¹³

Keenam-enam ayat di atas boleh dijadikan amalan di dalam rawatan dan ayat-ayat ini dinamakan sebagai ayat-ayat Syifa' . Ayat yang pertama khusus bagi merawat pesakit yang mengadu sakit dada atau sakit hati. Cara untuk merawatnya ialah dengan meletakkan tangan di dada pesakit lalu membaca ayat tersebut. Ayat yang kedua pula digunakan bagi ikhtiar penyembuhan penyakit dalam dada. Ayat yang ketiga menceritakan tentang kelebihan madu lebah sebagai ubat dan penawar bagi penyakit. Ayat yang keempat menceritakan secara umumnya al- Quran adalah penyembuh dan menjadi rahmat bagi orang-orang yang beriman. Ayat kelima pula boleh menjadi ikhtiar untuk merawat diri dengan cara memegang pada tempat yang sakit dan membaca ayat ini dengan penuh keyakinan bahawa Allah yang akan menyembuhkan penyakit tersebut dan tiupkan pada tempat yang sakit itu. Manakala kalimah syifa' dalam konteks ayat yang keenam memberi makna kesembuhan. Ini merujuk kepada al-Quran sebagai penyembuh segala penyakit tanpa perlunya sebarang keraguan lagi.

¹³ Dr Haron Din, op.cit., hlm 162 dst.

Dengan itu, ulama menggunakan hujah di atas untuk menyatakan bahawa keseluruhan al-Quran adalah ubat dan penyembuh kepada penyakit kerana tidak terdapat perkataan "sebahagian" jika merujuk kepada ayat al-Quran tersebut. Namun, sebahagian ulama yang lain mengatakan sebaliknya iaitu bukan keseluruhan al-Quran menjadi ubat. Kaedah Penggunaan ayat-ayat syifa ialah menerusi bacaan di tempat sakit secara langsung, dibaca secara umum dan menggunakan kaedah iaitu dihembus, disapu, disembur, ditiup pada air, ditiup pada bahan-bahan seperti herba, air, minyak, herba dan sebagainya.

Adalah jelas bahawa semua yang telah disebutkan oleh Rasulullah SAW adalah menjadi panduan yang sangat jelas untuk menghindari dan mengelakkan diri kita daripada serangan sebarang penyakit. Oleh yang demikian, selaku umat Islam yang beriman dengan penuh keyakinan mengakui bahawa apa yang diberitakan dan disarankan oleh Rasulullah SAW tidak lain hanya untuk kepentingan umatnya sahaja. Apatah lagi apabila Allah SWT sendiri dengan jelas memberi panduan untuk manusia mengambil iktibar dan pengajaran daripada ayat-ayat yang telah diturunkan-Nya.

5.0 Ayat-ayat Kesembuhan Tanpa Kalimah Syifa'

Para ulama' dan pengamal pengubatan Islam telah menemui beberapa keutamaan surah dan ayat al-Quran seperti ditegaskan menerusi hadith Nabi saw. Abi al-Fada' misalnya merakamkan keutamaan surah dan ayat al-Quran seperti Keutamaan surah al-Fatihah, Keutamaan surah al-Baqarah, Keutamaan khawatim (penutup) Surah al-Baqarah, Keutamaan ayat al-Kursi dan Keutamaan al-Muawwizatayn menerusi hadith-hadith Nabi saw¹⁴. Beliau turut menulis keutamaan al-Quran sebagai ubat jiwa, Asma' Allah al-A`zam penyembuh segala penyakit serta menyenaraikan ayat-ayat al-Quran sebagai penawar penyakit berikut¹⁵:

- 1) penyembuh sakit kepala
- 2) Al-Quran penyembuh sakit mata dan pandangan
- 3) Al-Quran penyembuh sakit gigi
- 4) Al-Quran penyembuh sakit halkum
- 5) Al-Quran penahan dari keluar dari hidung
- 6) Al-Quran penyembuh pekak
- 7) Al-Quran penyembuh sakit kulit
- 8) Al-Quran penyembuh sakit dada
- 9) Al-Quran penyembuh sakit jantung, dada, dalam perut, limpa dan hati
- 10) Al-Quran penyembuh sakit jiwa
- 11) Al-Quran penyembuh sakit perut
- 12) Al-Quran penyembuh keracunan dan penyakit ketar
- 13) Al-Quran penawar bias ular dan kala jengking

¹⁴ Abi al-Fada' op.cit. hlm. 30 dst.

¹⁵ Lihat selanjutnya, Ibid, hlm. 30 – 138.

- 14) Al-Quran Penyakit sendi (rheumatism)
- 15) Al-Quran Penyakit pundi-pundi kencing
- 16) Al-Quran Permudah bersalin
- 17) Al-Quran Penyembuh demam
- 18) Al-Quran Kekejutan anak dan gangguan tidur
- 19) Al-Quran Dukcita, rungsing, sedih dan pilu
- 20) Al-Quran Penyembuh hasad dengki
- 21) Al-Quran Pelihara dari gangguan jin
- 22) Al-Quran Penyembuh penyakit otak
- 23) Al-Quran Penyembuh mangsa sihir
- 24) Al-Quran Penyembuh lupa
- 25) Al-Quran Penyembuh was-was
- 26) Al-Quran Penyembuh barah

Begitu juga Sa'id `Ali al-Qahtany mengutarakan bahawa pengubatan atau ikhtiar penyembuhan juga boleh dilakukan melalui doa-doa yang diambil dari al-Quran. Beliau menyenaraikan berpuluh-puluh rangkaian ayat yang antara lain ialah al-A`raf: 23, Hud: 47, Nuh: 28, al-Baqarah: 127, Ibrahim: 40, al-Syu`ara': 83-85, al-Saffat: 100, al-Mumtahanah: 4, l-Mumtahanah: 5, al-Naml: 19, Ali `Imran: 38, al-Anbiya': 87, Taha: 25-28, al-Qasas: 16, Ali `Imran: 53, Yunus: 85-86, Ali `Imran: 147, al-Kahfi: 10, Taha: 114, al-Mu`minun: 97-98, al-Mu`minun: 118, al-Baqarah: 201, al-Baqarah: 285, al-Baqarah: 286, Ali `Imran: 8, Ali `Imran: 191-194, al-Mu`minun: 109, al-Furqan: 65-66, al-Furqan: 74, al-Ahqaf: 15, al-Hasyr: 10, al-Tahrim: 8, Ali `Imran: 16, al-Ma'idah: 83, Ibrahim: 35, al-Qasas: 24, al-Ankabut: 30, al-A`raf: 47, al-Tawbah: 129, al-Qasas: 22, al-Qasas: 21 dan banyak lagi¹⁶.

Para pengamal lazimnya mengutamakan ayat-ayat syifa' dalam melakukan ruqyah selain menggunakan banyak ayat-ayat lain bergantung kepada kesesuaian. Penyakit boleh dikategorikan kepada tiga; iaitu penyakit bersifat rohani atau spritual, penyakit bersifat jasmani atau fizikal dan penyakit kobinasi (melibatkan kedua-dua unsur rohani dan jasmani serta unsur-unsur lain). Selain penyakit terdapat hal-hal yang berkaitan masalah atau kerumitan yang dialami oleh anggota masyarakat. Ramai yang menyangka rawatan Islam hanya meliputi rawatan penyakit atau gangguan yang berlaku pada manusia. Amalan di beberapa pusat rawatan Islam menunjukkan rawatan juga turut dilakukan ke atas harta benda, kediaman atau bangunan, kebun tanaman, ternakan atau haiwan, kenderaan dan sebagainya. Ada ketikanya para jin juga dirawat oleh para pengamal namun hal ini hendaklah dilakukan dengan cermat dan berhati-hati agar tidak terpesong dari syariat Islam. Justeru itulah ulama' pengubatan Islam cuba mengklasifikasikan ayat-ayat untuk pelbagai jenis tujuan atau kegunaan seperti ayat

¹⁶ Sa'id bin `Ali al-Qahtany, (2006), *terj, Pengubatan Dengan Doa Digali Dari al-Quran dan Hadith, al-Hidayah Publishers: Kuala Lumpur, hlm. 12-25.*

penyembuhan umum, ayat mengatasi masalah rumit, ayat mengatasi dan menentang sihir, ayat membenteng dan mengusir makhluk halus serta ayat pelindungan diri, keluarga dan harta-benda

Abi al-Fada'¹⁷ memetik pandangan Ibn al-Qayyim yang berkata: Sesiapa yang tidak dapat disembuhkan oleh al-Quran bererti dia tidak disembuhkan oleh Allah. Dan sesiapa yang tidak cukup baginya al-Quran bererti Allah tidak akan mencukupkannya. Berkaitan penyakit jasmani, al-Quran ada menyebut cara rawatan atau penyembuhannya iaitu menerusi tiga cara; penjagaan kesihatan, penjagaan dari segala yang menyakitkan dan penjagaan dari segala yang membahayakan. Kesembuhan bergantung juga kepada orang yang mengubati dan yang diubati kerana mungkin ada kekurangan atau kelemahan tertentu. Berhubung rawatan mangsa sihir, perawat dikehendaki membaca ke atas 7 helai daun bidara dan air iaitu beberapa rangkaian ayat-ayat seperti Al-Baqarah: 255 (ayat kursi), Al-A`raf: 117-122, Yunus: 97:82, Taha: 65-70, Al-Kafirun: 1-6, Al-Ikhlâs: 1-4, Al-Falaq: 1-5 dan Al-Nas: 1-6. Setelah itu perawat boleh Membaca ayat-ayat berikut, meniup dan menyapu dengan tangan kanan ke atas pesakit iaitu Al-Fatihah, Al-Baqarah: 1-5, Al-Baqarah: 285-286, 3 qul sebanyak 3 kali atau lebih dan ditambah dengan doa-doa yang diambil dari hadith-hadith Rasulullah saw. Selain itu terdapat banyak rangkaian ayat untuk rawatan umum, ayat syifa', ayat berkubu, ayat azab, ayat penentang sihir dan ayat untuk mendapat petunjuk tertentu yang tidaklah mampu saya senaraikan semuanya di sini.

6.0 Panduan Beramal Dengan Ayat-Ayat Kesembuhan

Al Quran merupakan satu-satunya mukjizat Rasulullah SAW yang kekal sehingga hari kiamat dan merupakan satu rahmat untuk manusia khususnya umat Islam. Isi kandungannya mengandungi panduan dan pedoman untuk kita melayari bahtera kehidupan. Ayat-ayatnya pula menjadi syifa' (penawar) bagi segala penyakit sama ada penyakit rohani mahupun penyakit jasmani. Ayat yang digunakan sebagai penyembuh tidak disyaratkan berbentuk kombinasi dengan bahan lain tetapi cukup dengan menggunakan ayat atau surah di dalam al-Quran¹⁸. Di antara ayat-ayat Al Quran yang biasa dijadikan amalan dalam masyarakat kita ialah ayat 31 dari surah al-Baqarah sebagai ayat pengasih, ayat 1 dari Surah al-Masad sebagai ayat kekebalan, ayat 9 dari surah Yasin untuk ghaib, ayat 2-3 dari surah al-Talaq sebagai pelaris dan ayat 31 dari surah Yusuf sebagai ayat penyeri muka. Sebahagian pengamal melakukan amalan ini untuk mendapatkan kelebihan tertentu yang biasanya dihubungkan dengan khadam ayat. Apakah khadam ayat itu merupakan syaitan, malaikat ataupun qarîn adalah sukar disahkan. Kertas ini tidak bermaksud untuk membincangkan pasal khadam ayat kerana ia memerlukan perbincangan yang terperinci dan merujuk dalil-dalil tertentu. Walau bagaimanapun, persoalan yang timbul adakah amalan sebegini memiliki sandarannya. Kalau dibenarkan, apakah pula syarat-syarat untuk beramal dengannya. Sekiranya amalan tersebut berlawanan dengan apa yang ditunjukkan oleh Nabi SAW dan para *salaf al-salih*, apakah pula kesan-kesan yang diperolehi baik secara fisik mahupun batiniah. Untuk beramal dengan ayat-ayat kesembuhan, seseorang itu bukan

¹⁷ Lihat ibid, hlm. 60 dst.

¹⁸ Syeikh Sa`id `Abd Al-`Azim, (2006), Terj, *Bebas Penyakit Dengan Ruqyah*, QultumMedia: Tangerang, Indonesia, hlm. 5 dst memberi penerangan yang terperinci berhubung al-Quran penyembuh segala penyakit.

sekadar perlu memiliki ilmu yang mantap dan memahami seluk beluk ilmu pengobatan, bahkan memiliki kekuatan iman yang mampu berdepan dengan pelbagai ujian, cabaran dan ugutan musuh-musuh yang nyata dan tersembunyi.

Ketika mentafsirkan firman Allah swt dalam surah al-Isra' (17:82) :

وَنُزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ إِنْ هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا ﴿٨٢﴾

82. dan Kami turunkan Dengan beransur-ansur dari Al-Quran Aya-ayat suci Yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang Yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) Al-Quran tidak menambahkan orang-orang Yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua.

Syeikh Mutawalli al-Sya'rawi dalam tafsirnya halaman 5287, menegaskan bahawa ayat tersebut menunjukkan bahawa ayat-ayat al-Quran hanya menjadi rahmat dan penyembuh penyakit jika dibaca dan diamalkan oleh orang-orang yang benar-benar beriman. Antara tanda-tanda orang yang tulen imannya ialah solatnya sentiasa khusyuk, menjauhi perkara yang melalaikan, menunaikan rukun Islam dengan sempurna, menjaga kemaluan, menepati janji, berakhlak baik dan mulia, menghormati jiran dan sebagainya.

Para pengamal, peruyah, muallij ataupun mudawi yang di atas sekiranya membaca ayat-ayat al-Quran ketika melakukan ikhtiar kesembuhan¹⁹ akan memberikan kesan yang sangat mendalam kepada yang mendengarnya atau pesakit, tidak kira Islam mahupun orang kafir. Peristiwa pengislaman Saidina Umar merupakan contoh terbaik. Ketika Saidina Umar mendengar ayat Quran dibaca oleh kaum musyrik dihadapannya, bertambah kebencian dan kemarahannya terhadap Islam, dan ingin ia lari dari mendengarnya. Tetapi apabila mendengar ayat tersebut dari mulut adiknya yang telah beriman, maka terus lembut jiwanya dan terpancar cahaya keimanan dari lubuk hatinya lantas beliau terus memeluk Islam. Hal ini digambarkan oleh Allah dalam surah al-Taubah ayat 124-125 yang bermaksud: *"Dan apabila diturunkan sesuatu surah (dari Al-Quran) maka di antara mereka (yang munafik) ada yang bertanya (secara mengejek): "Siapakah di antara kamu yang imannya bertambah disebabkan oleh surah ini?" Adapun orang-orang yang beriman, maka surah itu menambahkan iman mereka, sedang mereka bergembira (dengan turunnya). Adapun orang-orang yang ada penyakit (kufur) dalam hati mereka maka surah Al-Quran itu menambahkan kekotoran (kufur) kepada kekotoran (kufur) yang ada pada mereka; dan mereka mati, sedang mereka berkeadaan kafir."*

Justeru itu tiada keraguan bahawa syarat terpenting untuk menggunakan ayat Al Quran sebagai penyembuh ialah keimanan yang mantap kepada Allah. Dalam beberapa riwayat, diceritakan bahawa para sahabat Nabi SAW mampu menyembuhkan pelbagai penyakit termasuk kerasukan dan penyakit gila hanya dengan membaca surah al-Fatihah dan al-Ikhlas sahaja. Keimanan dan keyakinan mereka terhadap kekuasaan Allah untuk menyembuh menjadi senjata utama mereka. Syeikh Mutawalli Sya'rawi seterusnya berkata, sekiranya ayat-ayat Al Quran dibaca sebagai jampi oleh seorang yang zalim, fasiq atau munafiq, maka ia tidak akan

¹⁹ Muhammad Abdul Ghoffar, (2006) *Penyembuhan Dengan Doa & Zikir Rasulullah Saw, Penerbit Almahira: Jakarta Timur*, menulis catatan lengkap berhubung penyembuhan dari penyakit yang ringan sehingga yang palik kronik termasuk kanser dengan menggunakan doa dan zikir dari al-Quran.

mendatangkan manfaat tetapi membawa kemudharatan. Sekiranya pengamal ayat-ayat ini mempunyai iman yang lemah, lama-kelamaan dia akan terpedaya oleh tipuan syaitan sehingga **timbul keyakinan bahawa ayat itu yang berkuasa**. Secara tidak langsung, dia telah melakukan perbuatan syirik. Apabila keadaan ini berlaku, syaitan dan jin yang jahat akan mengambil kesempatan dengan mendakwa mereka adalah khadam atau malaikat yang menjaga ayat tersebut.

Allah menegaskan bahwa sesiapa yang berpaling dari intipati dan pengajaran sebenar dari ayat yang diturunkan, maka Allah akan jadikan syaitan sebagai qarín (pendamping) yang akan menyesatkannya dari jalan yang sebenar. FirmanNya dalam surah Az Zukhruf ayat 36-37: *Dan sesiapa yang tidak mempedulikan pengajaran (Al-Quran yang diturunkan oleh Allah) Yang maha Pemurah, Kami akan adakan baginya syaitan (yang menghasut dan menyesatkannya), lalu menjadilah syaitan itu temannya yang tidak renggang daripadanya. Dan sesungguhnya syaitan-syaitan itu tetap menghalangi mereka dari jalan yang benar, sedang mereka menyangka bahawa mereka orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.*

Ibnu Qayyim al-Jawzi dalam tafsirnya, juz 1, halaman 490 menyatakan bahawa al- Quran adalah jalan bagi hati seseorang mendapat ketenangan. Justeru, sesiapa yang berpaling dari ajaran sebenar Al Quran atau menggunakan ayat al-Quran dari tujuan asal ia diturunkan, maka Allah akan jadikan baginya seekor syaitan²⁰ yang menjadi Qarin. Qarin inilah yang akan berkhidmat kepada pengamalnya. Lalu timbul tanggapan bahawa malaikat yang menjaga ayat tersebut telah menjadi penolongnya. Inilah tipudaya dalam amalan-amalan kebatinan seperti ilmu ghaib, ilmu kebal, ilmu khadam ayat dan seumpamanya.

Melalui pengalaman merawat, individu-individu yang mengamalkan ilmu tertentu khususnya ilmu khadam ayat, memang mereka mengakui memperolehi banyak kebaikan. Ada yang mendakwa menerusi amalan dan zikir tertentu, mereka mampu melihat makhluk-makhluk ghaib dan tanpa segan silu mendakwa itu adalah kelebihan atau anugerah Allah kepadanya. Mereka lupa bahawa Allah berfirman (al-A`raf:27)

إِنَّهُ يَرْنَكُمْ هُوَ وَقَبِيلُهُ مِنْ حَيْثُ لَا تَرَوْهُمْ إِنَّا جَعَلْنَا الشَّيَاطِينَ أَوْلِيَاءَ لِلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ

27. ...Sesungguhnya Syaitan dan kaumnya melihat kamu Dengan keadaan Yang kamu tidak dapat melihat mereka. Sesungguhnya Kami telah menjadikan syaitan-syaitan itu teman rapat bagi orang-orang Yang tidak beriman.

Dakwa tersebut (melihat dan mengira bilangan jin) tentu sekali bertentangan dengan nas al-Quran. Apatah lagi kebolehan tersebut didakwa dapat diperolehi tanpa batasan masa dan ketika. Memang terdapat beberapa kes para sahabat dan salaf al-salih atau wali tertentu yang diberikan karamah, malah orang biasa yang diberikan maunah, namun keistimewaan tersebut tidak diberi berulang-ulang kali. Berkemungkinan besar itu adalah *istidraj*, seperti juga yang diperolehi oleh para dukun, pawang dan bomoh yang mampu memperlihatkan kebolehan dan keistimewaan luar biasa kepada pesakit dan ahli keluarga mereka sehingga menimbulkan rasa kekaguman. Berdasarkan pengalaman, terdapat jin yang tidak boleh melihat jin-jin dari bangsa

²⁰ Lihat biografi syaitan seperti catatan oleh Islah Gusmian, (2006) *Ruqyah Terapi Nabi Saw, Pustaka Marwa: Yogyakarta, hlm. 39-64.*

lain. Qarin misalnya boleh melihat jin namun jin tidak boleh melihat qarin. Begitu juga bunian, bukan semua jin mampu melihat alam dan kehidupan bunian. Ifrit juga meskipun dikatakan memiliki kekuatan dan kebolehan luar biasa serta memiliki kepantasan bergerak yang tidak mampu ditandingi oleh jin-jin lain, ada ketikanya dia tidak mampu melihat perkara ghaib. Justeru itulah kita tidak hairan apabila seseorang yang mempunyai pendamping atau didampingi secara tidak sedar, sampai ketikanya, ahli keluarga mereka (biasanya isteri) terlihat lembaga menyerupai diri pengamal walhal ketika itu beliau keluar bekerja dan tidak bermalam di rumah. Ini menunjukkan bahawa jelmaan beliau itu adalah qarin syaitan yang kononnya menjaga diri, keluarga dan kediamannya. Lama kelamaan qarin syaitan ini akan mengganggu keharmonian hidup keluarga pengamal tersebut.

Begitu juga terdapat penyalahgunaan zikir dari al-Quran dan akhirnya membuka ruang untuk interaksi dan mendapat informasi dari jin secara haram. Syeikh Abd al-Azim²¹ menegaskan berlaku penyalahgunaan zikir dan al-Quran oleh sebahagian pengamal rawatan Islam yang boleh mengundang jin secara haram seperti turut melakukan sembelihan, menetapkan bilangan zikir tertentu, dibaca pada jumlah tertentu dan untuk penyakit tertentu. Ibn Taimiah mengatakan bahawa wirid dan zikir yang tidak syar`ii adalah terlarang. Abu Dawud, al-Nasa'i dan Ibn Majah meriwayatkan sebuah hadith dari Amr bi Syu`aib bahawa Rasulullah saw pernah bersabda: **Man Tatabbaba wa lam yu`lam minhu al-Tibbu Qabla Dha lik Fahuwa Daamin** (ertinya: *Barangsiapa mengubati, padahal kepakarannya dalam pengubatan tidak diketahui, maka dialah penanggungnya (jika ada sesuatu yang buruk menimpa pesakit).*)

Para ulama ada memberi panduan khas atau syarat untuk seseorang untuk beramal dengan sesuatu ayat bagi tujuan penyembuhan pesakit.

Pertama, kita mesti beriktihad bahawa apa segala yang berlaku hasil dari bacaan ayat-ayat tadi adalah dengan keizinan Allah. Ayat yang dibaca, sekalipun keseluruhan ayat al-Quran, tidak akan memberi bekas, bahkan Allah jualah yang berkuasa memberinya. Firman Allah dalam surah al Ra`d ayat 31:

“Dan kalaulah ada mana-mana Kitab Suci yang dengan sebabnya gunung-ganang terbongkar bergerak dari tempatnya, atau dengan sebabnya bumi dipecah-belah mengeluarkan isi kandungannya, atau dengan sebabnya orang-orang yang telah mati dapat menjawab kata-kata yang dihadapkan kepadanya, bahkan semua perkara-perkara tersebut berlaku tertentu bagi Allah.”

Jelaslah bahawa perubahannya setelah dibacakan ayat-ayat dari Al-Quran, adalah berlaku dengan kekuasaan Allah. Yang baik atau buruk adalah dari Allah, dan kesemuanya adalah urusanNya.

Kedua, kita perlu memahami, menghayati dan melaksanakan pengajaran dari ayat yang dibacakan. Sekiranya maksudnya baik, bertepatan dan mengandungi panduan, maka hendaklah kita amalkan. Sekiranya maksudnya sebaliknya, maka jadikan ia sebagai tauladan dan mohonlah perlindungan Allah dari menjadi sebahagian darinya.

²¹ Lihat Syeikh Abd al-Azim, ibid, hlm. 25 dst. berhubung amalan penyalahgunaan zikir dan al-Quran dalam rawatan.

Sebagai contoh, ayat 31 dari al-Baqarah yang selalu dijadikan ayat pengasih bermaksud: *Katakanlah (wahai Muhammad) kepada umatmu, Sekiranya kamu cintakan Allah maka ikutlah aku nescaya Allah akan mencintai kamu.* Jika dihayati, ayat tersebut memberi panduan bahawa jika kita ingin dicintai Allah, maka kita perlu mengikut apa yang Nabi SAW ajarkan. Antara yang diajarkan oleh Nabi SAW kepada para isteri supaya dikasihi suami ialah mentaati dan melayani suami secara terbaik. Kadang-kadang berlaku sebaliknya di mana isteri tidak mahu patuh pada perintah suami, selalu menentang cakupnya dan enggan memberi layanan sepatutnya. Hal ini mengundang kebencian suami. Akhirnya, si isteri ini diajar supaya membaca ayat tadi dan dihembus ke ubun-ubun suaminya ketika tidur. Kaedah seumpama ini tidak pernah ditunjukkan oleh Nabi SAW dan kita harus berhati-hati kerana dibimbangi perbuatan mengamal ayat tersebut tanpa memahami pengajarannya merupakan perbuatan *al-Tiwalah* iaitu guna-guna yang dilarang oleh Nabi Muhammad SAW.

Begitu juga dengan ayat 31 dari surah Yusuf yang sering diguna sebagai ayat seri muka. Ayat tersebut bermaksud: *Maka ketika mereka melihatnya (Yusuf), mereka tercengang melihat kecantikan parasnya, dan mereka dengan tidak sedar melukakan tangan mereka sambil berkata: "Jauhnya Allah dari kekurangan! Ini bukanlah seorang manusia, ini tidak lain melainkan malaikat yang mulia!.* Ayat ini menceritakan reaksi isteri-isteri pembesar Mesir tatkala melihat ketampanan Nabi Yusuf a.s. Sekiranya kita memahami sikap dan akhlak Nabi Yusuf a.s., maka kita akan dapati ketampanan baginda bukan hanya pada lahiriah sahaja, tetapi juga pada batin baginda. Hati baginda sangat takut jika ada manusia yang tertarik kepadanya angkara nafsu, lalu baginda berkata: *Aku tidak berlepas dari perdayaan nafsuku. Sesungguhnya nafsu itu mendorong kepada kejahatan kecuali mereka yang Allah beri rahmat ke atasnya.* Oleh itu, jika seseorang membaca ayat ini untuk menarik perhatian orang kepadanya, mengkaguminya, cair dengan penampilannya. maka cara penggunaan ini bertentangan dengan pengajaran ayat tersebut. Apa yang patut dilakukan ialah menghayati sikap Nabi Yusuf a.s. dan berusaha untuk menjauhi dari tipuan nafsu.

Bagi golongan peniaga atau usahawan, ayat 2-3 dari Surah al-Talaq (yang juga dikenali sebagai ayat 1000 dinar) sering diamal dan digantung di premis perniagaan. Ayat ini bermaksud: *“Dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah, nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar, serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. Dan (Ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka cukuplah Allah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya).*

Ayat tersebut memberi panduan berguna bagi seseorang yang ingin melariskan perniagaannya. Yang pertama ialah taqwa, dengan melakukan segala yang disuruh seperti menjaga solat walaupun sibuk berniaga, menjual produk yang halal, baik dan bersih, tidak melakukan penipuan dalam timbangan, sukatanya dan sebagainya. Dengan ketaqwaan kepada Allah, maka dia akan dikurniakan rezeki yang melimpah ruah . Syarat kedua ialah tawakal dan yakin bahawa Allah adalah sebaik-baik pemberi rezeki. Dengan adanya tawakal dalam hati peniaga, maka dia akan sentiasa berharap kepada Allah atas sifat Maha Pemurah. Namun demikian, ramai yang hanya membaca dan menggantungnya sahaja setiap kali memulakan perniagaan, tetapi meninggalkan pengajaran ayat tersebut.

Selain itu terdapat pengamal ilmu kebal yang menggunakan ayat 1 dari Surah al-Masad. Pengamal akan membaca ayat tersebut sambil dikatupkan mulut dan diiktihad kulitnya tidak dapat ditembus apa-apa kecuali dia membuka mulut. Ayat tersebut bermaksud: *Binasalah kedua-dua tangan Abu Lahab, dan binasalah ia bersama!*. Ia diturunkan berikutan perbuatan Abu Lahab yang memusuhi dan memerangi Nabi SAW. Jika diteliti, tiada kaitan langsung antara ayat tersebut dengan kekebalan. Ayat tersebut merupakan ayat laknat terhadap musuh Allah dan musuh Rasulullah. Para ulama apabila membaca ayat-ayat berbentuk laknat ke atas musuh Islam seperti Abu Lahab, Firaun, Haman dan Abrahah (tentera bergajah), mereka akan merasa benci dan mohon dijauhkan dari bersama golongan tersebut. Jika ilmu kebal ada diajar dalam Islam, sudah pasti Baginda SAW adalah orang pertama yang akan mengajarkannya kepada sahabat supaya mereka tidak cedera dalam peperangan. Dan sekiranya dengan membaca ayat tersebut boleh menjadikan sahabat kebal, nescaya Rasulullah SAW akan melakukannya untuk mengelak dari kecederaan misalnya dalam peperangan. Justeru, memahami, menghayati dan melaksanakan pengajaran ayat Al-Quran lebih dituntut berbanding membacanya untuk sesuatu kelebihan tanpa memahami apa yang diamalkan.

Ketiga, ulama berpesan agar kita mengakhiri setiap bacaan ayat-ayat Al Quran dengan doa dan munajat, memohon kepada Allah agar mengabulkan permintaan. Imam al-Suyuti menyebut dalam Kitab al-Tibb al-Nabawi: *Apabila kamu membaca sesuatu ayat dari al-Quran bagi mendapat sesuatu kebaikan dan pertolongan dari Allah, maka akhirilah bacaan ayat tadi dengan doa dan munajat kepadaNya.*

Dalam hal ini Sayyid Muhammad bin `Alawi al-Maliki dalam kitabnya *Ahwab al-Faraj*²² menulis tentang keutamaan surah al-Fatihah dan setiap setiap perawat patut memulakan rawatan dengan bacaan surah al-Fatihah. Al-Fatihah adalah surah paling agung dalam al-Quran, sebagai *fatihatul kitab, ummul kitab, sab`ul mathani, al-Quran al-`Azim, al-Wafiyah* (penyempurna), *al-Waqiyah* (pelindung), *al-Kanz* (perbendaharaan), *al-Asas* (dasar) dan lain-lain. Begitu juga kedudukan dan keutamaan ayat Kursi yang dijadikan bacaan semasa memohon kesembuhan²³.

Selain al-Quran dijadikan amalan menerusi kaedah bacaan, terdapat sebahagian orang yang menjadikan tulisan al-Quran sebagai azimat dan tangkal serta sebahagian dari wafaq. Tangkal, azimat dan wafaq ini bukan saja diberikan oleh paranormal, dukun, bomoh dan pawang, bahkan sebagiannya oleh pengamal yang menggelarkan diri mereka perawat Islam, atau yang mendakwa bukan pengamal ilmu hitam, sebaliknya mengamalkan ilmu putih dan sebagainya.

²² Lihat kupasan lanjut dalam Sayyid Muhammad Bin `Alawi Al-Maliki,(2008) Terj., *Doa-Doa Ruqyah_Terapi Jasmani Dan Rohani, Pustaka Hidayah: Bandung, Jawa Barat, hlm. 127 dst.*

²³ Keterangan lanjut sila lihat Muhyiddin Abdul Hamid,(2002), Terj. `Alij Nafsaka, *Obati Dirimu, Mitra Pustaka: Yogyakarta, hlm. 179 dst.*

7.0 Penutup

Kalimah syifa' turut mempunyai pengaruh yang besar dalam masyarakat dan sebahagian ahli masyarakat mempromosikan kalimah ini dalam pelbagai urusan kehidupan, baik untuk penamaan anak sehingga penamaan industri dan perusahaan. Al-Syifa' dalam konteks pusat rawatan Islam dipelopori oleh Darussyifa' yang berpusat di Bandar Baru Bangi sejak pertengahan tahun 80 an. Kini banyak pusat rawatan Islam yang menggandingkan nama pusat mereka dengan al-Syifa' atau Syifa' sahaja. Begitu juga banyak pusat perubatan alopati dan klinik menggunakan nama Syifa'. Di samping itu didapati banyak pusat-pusat penjagaan kesihatan dan penjagaan diri menggunakan nama Syifa. Selain itu di Malaysia dan nusantara nama syifa; digunakan oleh pusat-pusat pengajian dan asuhan, produk pengguna, perkhidmatan penginapan, pengangkutan, restoran dan penyajian makanan, media dan komunikasi dan banyak lagi. Tentu sekali senarai nama tersebut amat panjang dan tidak sesuai dimuatkan di sini.

Perubatan atau penyembuhan menggunakan ayat-ayat Quran mempunyai perkaitan rapat dengan aqidah dan adalah perkara yang wujud dalam syariat Islam. Menerusi pembacaan, Allah akan menyembuhkan, memberi rahmat serta mengafiatkan pesakit lantaran keberkatan kitabNya. Nabi saw sendiri, para sahabat serta salaf al-Salih berubat dengan ayat-ayat al-Quran. Justeru itu kita hairan kenapa masih ramai orang Islam enggan menerima konsep penyembuhan menggunakan ayat-ayat al-Quran. Kajian menunjukkan ramai yang tidak mendapat pendedahan atau penjelasan yang betul, tepat dan sahih berhubung metodologi rawatan Islam sebenar. Justeru ramai pengamal yang mendakwa sebagai pengamal rawatan Islam, namun masih meneruskan kaedah yang bercanggah dengan syariat Islam, menyebabkan masyarakat ragu-ragu apatah lagi dengan pelbagai jaminan kesembuhan yang diberikan, seolah-olah dialah penyembuh, bukannya Allah swt.

Sebagai kesimpulan, kita harus meyakini bahawa al-Quran adalah al-Syifa' namun hendaklah berhati-hati dalam beramal dengan ayat-ayat tertentu dari al-Quran agar tidak terpedaya dengan tipuan syaitan. Penggunaan tangkal, cincin, kayu koka, tasbih, keris, berisi jampi mantera yang bercampur aduk dengan ayat-ayat quran untuk tujuan perlindungan, penunduk, kekebalan dan sebagainya boleh mengundang kesyirikan dan kemurkaan Allah. Apabila berlaku kemurkaan Allah, maka syaitan dan iblis akan hadir menjadi penolong dan pembantu dengan syarat-syarat dan permintaan yang menambahkan lagi kesyirikan sehingga boleh jatuh ke peringkat murtad dan kufur. Semoga konvensyen kali ini dapat menjernihkan kekhususan dan kekeruhan dalam amalan pengobatan Islam agar urusan berkaitan ikhtiar penyembuhan dapat dilestarikan dengan suci dan murni seperti ditunjukkan oleh al-Quran sebagai al-Syifa'.

SENARAI RUJUKAN

- 1- Al-Syeikh Abi al-Fada' Muhammad, (2012) **`Alij Nafsaka bi al-Quran**, terj. Mari Berubat Dengan Al-Quran, al-Hidayah Publication: Batu Caves, Selangor.
- 2- Said bin Ali al-Qahtany, (2006),terj. **Pengubatan Dengan Doa Dari Al-Quran**, al-Hidayah Publishers: Kuala Lumpur, hlm. 12
- 3- Ahmad Fauzi, (2008) **Konsep Al-Quran Sebagai Syifa'**, Skripsi Sarjana Strata 1 Theology Islam (S.Th.1), Perpustakaan Digital: Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta.
- 4- Dato' Dr Haron Din, (2011) **Pengantar Pengubatan Islam**, Jilid 1, Terbitan PKPI: Bandar Baru Bangi, Selangor.
- 5- Syeikh Sa`Id `Abd Al-`Azim, (2006), Terj, **Bebas Penyakit Dengan Ruqyah**, QultumMedia: Tangerang, Indonesia.
- 6- Sayyid Muhammad Bin `Alawi Al-Maliki,(2008) Terj., **Doa-Doa Ruqyah_Terapi Jasmani Dan Rohani**, Pustaka Hidayah: Bandung, Jawa Barat.
- 7- Muhyiddin Abdul Hamid,(2002), Terj. **Obati Dirimu**, Mitra Pustaka: Yogyakarta.
- 8- Islah Gusmian, (2006) **Ruqyah Terapi Nabi Saw**, Pustaka Marwa: Yogyakarta.
- 9- Muhammad Abdul Ghoffar,(2006) **Penyembuhan Dengan Doa & Zikir Rasulullah Saw**, Penerbit Almahira: Jakarta Timur.
- 10- Zen Muhammad al-Hadi, (2009), **Ruqyah Jin**, Zahra Publishing House: Jakarta.
- 11- Malik Faisal, (2012), **Jampi Jelmaan al-Quran & Hadis**, PTS Islamika Sdn. Bhd: Batu Caves, Selangor.
- 12- Abdullah Yusof, (2009) **al-Ruqyah al-Syar`iyyah Li al-Mu`allij**, Siri Pengubatan Islam (2), Puchong, Selangor.